

29/03/1997

Robert sedia tanggung risiko

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap Alain Robert, 34, jika sesuatu berlaku ke atasnya ketika memanjat Menara Berkembar Petronas setinggi 88 tingkat atau 451.9 meter, awal bulan depan.

Robert yang mendapat jolokan `spiderman' tidak mengambil sebarang insurans nyawa. Dia melakukan pertunjukan itu kerana minat dan tahu risiko yang bakal dihadapi.

Presiden Belia 4B, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata Robert sudah menandatangani perjanjian untuk tidak menuntut sebarang pampasan dan menanggung sendiri risiko jika berlaku sesuatu kejadian tidak diingini.

Beliau yakin Robert mampu memanjat bangunan tertinggi di dunia selepas berjaya melakukannya sehingga tingkat 60, Khamis lalu.

"Saya sudah menghantar surat kepada Petronas meminta kebenaran bagi membolehkan Robert memanjat bangunan itu tetapi ditolak dengan alasan bangunan itu dibina bukan untuk dipanjat dan bimbang sesuatu kejadian tidak diingini.

"Saya sudah mengemukakan rayuan dan yakin Petronas akan memberi kebenaran kerana usaha Robert bertujuan mengutip derma untuk kebajikan malah mendapat sokongan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya, di sini, hari ini.

(END)